



KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

24 FEBRUARI 2023 (JUMAAT)



KERATAN AKHBAR (KPDN)

24 FEBRUARI 2023 (JUMAAT)

INISIATIF DAYA SELEPAS RAHMAH

■ Selepas berjaya dengan Menu Rahmah, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan memperkenalkan strategi kedua iaitu Mendaya Upaya yang bertujuan membantu meningkatkan taraf hidup rakyat.

■ Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, di bawah strategi terbaharu itu, pihaknya telah merangka tiga program khusus iaitu Daya Suri, Daya Kreatif dan Daya Niaga yang dapat membantu menambah ekonomi keluarga dalam mendepani cabaran kos sara hidup.

■ Katanya, KPDN akan terus berusaha memastikan kehidupan rakyat terus terjaga dan pada masa sama golongan peniaga dan usahawan dapat menjalankan perniagaan mereka dengan bantuan dan sokongan kerajaan.



ANUGERAH UTAMA

Pengerusi Utusan Mydin Mohamed Holdings Bhd, Datuk Ameer Ali Mydin (empat dari kanan) menerima anugerah utama dalam Anugerah Banes Sinar Harian (BISA) yang berlangsung di DoubleTree by Hilton Shah Alam i-City, Shah Alam malam tadi. Anugerah disarakan oleh Menteri Perdagangan, Usahamerta Negara dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub (lima dari kanan).

MUKA 2, 3 & 4

Inisiatif Daya bantu rakyat

KPDN perkenal Daya Suri, Daya Kreatif dan Daya Niaga untuk bantu tambah ekonomi keluarga

SHAH ALAM

Selepas berjaya dengan strategi Rahmah, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak hidup (KPDN) akan memperkenalkan strategi kedua iaitu Mendaya Upaya yang bertujuan membantu meningkatkan taraf hidup rakyat.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, di bawah strategi terbaru itu, Kementerian telah merangka tiga program khusus iaitu Daya Suri, Daya Kreatif dan Daya Niaga yang dapat membantu menambah ekonomi keluarga dalam mengurangkan cabaran kos sara hidup.

"Menurutnya, Daya Suri akan memberi fokus kepada golongan suri rumah dalam kepentingan dan perniagaan.

"Daya Kreatif pula berkonsepkan usaha pemain dan pengamal industri kreatif termasuklah influencer (pempengaruh) sementara Daya Niaga adalah inisiatif memperkasa usahawan dalam merancakkan lagi aktiviti perniagaan mereka dan memudahkan cara urusan perniagaan.

"Agenst-agensi seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dan lain-lain di bawah KPDN kini sedang mengatur dan membangunkan pelbagai program untuk menggerakkan ini-



Salahuddin ketika berucap pada Anugerah Bisnes Sinar Harian Awards (BISA) di DoubleTree by Hilton Shah Alam i-City, malam tadi.

siatif Mendaya Upaya terutamanya Daya Niaga," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri Anugerah Bisnes Sinar Harian (BISA) di DoubleTree by Hilton Shah Alam i-City di sini pada malam tadi.

Majlis itu turut dihadiri Penasihat Bersama Kumpulan Karangkraf, Datuk Muhammad Nasir Hamzah; Pengurus Kumpulan Karangkraf, Firdaus Hussamuddin dan Ketua Pegawai Eksekutif Grup Sinar Karangkraf, Farah Hussamuddin.

Mengulas lanjut, Salahuddin berkata, Kementerian itu menggunakan dua strategi utama dalam menangani kos sara hidup rakyat iaitu membantu (*to help*) dan kedua-duanya mendaya upaya (*to empower*).

"Dalam strategi membantu, kita telah melaksanakan Inisiatif Rahmah dan alhamdulillah,



ia telah mendapat sokongan luar biasa daripada para peniaga dan rakyat.

"Kementerian terus komited memastikan kehidupan rakyat terus terpelihara dalam keadaan ekonomi yang mencabut kini, dalam masa sama memastikan golongan peniaga dan usahawan dapat menjalankan perniagaan mereka dengan bantuan dan sokongan kerajaan," jelasnya.

Sementara itu, BISA yang julung kali diadakan menjadi titik permulaan buat *Sinar Harian* memainkan peranan untuk terus memperkasa usahawan tempatan.

Anugerah itu bertujuan mengiktiraf golongan perniagaan perusahaan kecil dan sederhana yang terbaik di negara ini.

Apa yang membezakan BISA berbanding anugerah lain ialah setiap kategori yang ditampilkan dipilih sendiri oleh *Sinar Harian* bersama panel juri khas dan pemain industri,

Dua strategi KPDN dalam menangani **Kos Sarawak Hidup pada tahun 2023**

- (i) **MEMBANTU** (*To help*)
- (ii) **MENDAYA UPAYA** (*To empower*)

- Dalam strategi Membantu, gerakkan Inisiatif RAHMAT
- Dalam strategi Mendaya upaya, fokuskan Inisiatif DAYA.

Di bawah DAYA, setakat ini ada program DAYA SURI, DAYA KREATIF dan DAYA NIAGA

● **DAYA SURI**

Konsep: Mendaya upaya golongan suri rumah dalam kepentingan dan perniagaan.

● **DAYA KREATIF**

Konsep: Mendaya upaya pemain dan pengamal industri kreatif

● **DAYA NIAGA**

Konsep: Empower usahawan dalam meningkatkan lagi aktiviti perniagaan mereka dan memudahkan urusan perniagaan.

Penganjuran BISA bantu bentuk budaya usahawan

SHAH ALAM - Penganjuran Anugerah Bisnes Sinar Harian (BISA) dilihat bertepatan dan sejari dengan usaha kerajaan dalam membentuk masyarakat Malaysia yang berpemikiran dan berbudaya keusahawanan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, kerajaan meng-

gerakkan inisiatif Mendaya Upaya dan berharap dapat melahirkan lebih ramai usahawan berjaya.

Menurutnya, selain dapat menyumbang kepada ekonomi negara, ia juga membuka lebih banyak pintu rezeki kepada orang lain.

"Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) amat penting kepada pembangunan negara kerana ia menyediakan lebih la-

pan juta peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

"Malah menerusi BISA, apabila kisah-kisah kejayaan perenerima anugerah malam ini diarkan di media massa, ia diharap menjadi inspirasi dan panduan untuk lebih ramai terlibat dalam bidang perniagaan dan Daya Niaga.

"Kepada Sinar Harian, sekali lagi saya mengucapkan tahniah di atas kejayaan penganjuran

BISA. Memasuki usia yang ke-17, saya berharap agar *Sinar Harian* terus berpegang kepada prinsip Telus dan Tulus," katanya.

Salahuddin turut mengharapkan *Sinar Harian* terus mengetengahkan golongan usahawan berjaya agar dapat bersama-sama memperkasakan budaya Daya Niaga rakyat Malaysia.

"Malam ini adalah sebagai

satu penghargaan untuk membalas semula segala keringat, air mata, pengorbanan, kerja keras dan keazaman yang paling tinggi untuk memajukan dan membangunkan perniagaan semua.

"Semoga perniagaan yang sedang diusahakan ini dapat membantu rakyat untuk mendapatkan peluang pekerjaan, malah dapat bersama-sama membangunkan negara yang kita cintai dan kasih ini," jelasnya.

Kesungguhan Ameer Ali Mydin layakkan beliau terima anugerah utama BISA

SHAH ALAM

Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Bhd, Datuk Dr Ameer Ali Mydin menerima anugerah utama bagi Anugerah Bisnes Sinar Harian (BISA) yang berlangsung di DoubleTree by Hilton Shah Alam i-City di sini malam tadi.

Ameer Ali, 67, yang merangkul trofi Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat 2023 menyifatkan pengiktirafan tersebut sebagai bukti hasil perjuangan yang dilakukan bapanya, Mydin Mohamed pada tahun 1957 membangunkan hasil.

Beliau bagaimanapun berkata, anugerah tersebut bukanlah untuk dibangga-banggakan, sebaliknya sebagai pembakar semangat untuknya dan warga kerja Mydin supaya terus bekerja lebih kuat bagi memastikan kepuasan pelanggan.

Malah, beliau turut menyifatkan pengiktirafan tersebut sebagai satu tanggungjawab berat untuk beliau dan warga kerja Mydin supaya dapat mencurah bakti serta berkhidmat kepada masyarakat.

"Saya hanya penerima. Anugerah ini sebenarnya adalah untuk semua keluarga besar Mydin.

"Tidak lupa kepada staf-staf



Mydin, disebabkan mereka, Mydin berada pada tahap sekarang dan menerima anugerah ini.

"Terima kasih juga kepada isteri dan ahli keluarga saya yang selalu menyokong," katanya kepada *Sinar Harian* selepas menerima anugerah tersebut.

Ameer Ali berkata, rahasianya untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya ialah perlu-

mempunyai ilmu, disiplin dan keikhlasan, bukan sekadar berani untuk mengejar kekayaan dengan cepat.

"Perniagaan bukan sekadar untuk kita mengejar keuntungan tetapi minat yang mendalam dan kesungguhan adalah kunci kejayaan sesebuah perniagaan."

"Bagaimana kita dapat memanfaatkan perniagaan kepada masyarakat agar dapat menyumbang kepada ekonomi

komuniti dan negara secara keseluruhannya," ujar beliau.

Tambah beliau lagi, bagi yang baru berjinak-jinak dalam perniagaan perlu bersedia dari segi mental dan fizikal kerana bidang tersebut amat mencabar walaupun mempunyai modal yang besar.

"Dengan iltizam dan usaha yang bersungguh-sungguh, tiada apa yang mustahil seperti Mydin yang bermula daripada sebuah kedai papan, kini me-

rupakan rangkaian pemborong dan peruncit halal terbesar tempatan," katanya.

Sementara itu, Ameer Ali turut berharap penganguran BISA menarik minat lebih ramai usahawan tempatan di negara ini untuk terus bekerja kuat dan berjaya dalam bidang perniagaan.

"Jika saya (menang anugerah) BISA, anda pun semestinya bisa (boleh) menang," seloroh beliau.



Ameer Ali (kiri) dan Penasihat Bersama Kumpulan Karangkraf, Datuk Muhammad Nasir Hamzah (kanan) mengiringi Salahuddin pada Anugerah Bisnes Sinar Harian (BISA) di Shah Alam, malam tadi.



EK ELEH

Selepas strategi RAHMAH, kerajaan akan perkenal strategi MENDAYA UPAYA pula

Usaha yang baik kita KENA SOKONG!

M. DAPATAN MASA | LUTONG D21 TAU

TAHANIAH

KEPADА PENERIMA ANUGERAH BISA 2023

BISA
SINAR HARIAN



ANUGERAH PENCAPAIAN SEPANJANG HAYAT 2023

Datuk Dr Ameer Ali Mydin,
Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Berhad



MONTESORI ISLAMIK PILIHAN 2023

Datuk Dr Kopten Bakhtiar Aliff, Pengasas & Ketua Pegawai Eksekutif Al Kauthsar Edugids



INOVASI PILIHAN 2023

Raja Ahmad Fauzan,
Coffee Enthusiast Officer
Furlo Holdings Sdn Bhd
(Coffee Star)



PEMANGKIN INOVASI PENDIDIKAN AWAL 2023

Datin Dr Nor Felidah Alias,
Pengarah Urusan & Ketua
Pegawai Operasi Al Kauthsar Edugids



PEMASARAN DI MEDIA SOSIAL 2023

Zirra Abdullah, Pengasas
& Pengasas Produk &
Pengarah Urusan Skin
Dessert



PEMBANGUNAN LESTARI ALAM 2023

Datuk Ramli Mohd Tahir,
Pengarah Urusan KDB
Waste Management



KEDAI RANTAIAN MAMPU MILIK 2023

Datin Rosmarina Che
Umar, Pengarah
Perakuan & Perintadbiran
Kumpulan Pasaraya
Boiron Sakan Sdn Bhd



USAHAWAN ISLAM MODEN 2023

Mohammad Ya'akub Yusra
Mohd Yusof, Pengarah
Urusan Murtadha Dakwah
Centre



PENGGERAK USAHAWAN TELEKOMUNIKASI 2023

Farid Yunus, Ketua
Pegawai Eksekutif redONE
Network Sdn Bhd



AGENSI PELANCONGAN MUSLIM PILIHAN 2023

Muhammed Mursyid Abu
Hassan, Pengarah Urusan
Mursyid Alharamain Travel
& Tours



FESYEN KREATIF BATIK PILIHAN 2023

Rasta Rashid, Pengasas
& Pemilik Jenama, Rasta
Creation Sdn Bhd



INOVASI RANGKAIAN TEKNOLOGI 2023

Faisal Shadiq Arshad,
Pengarah Urusan Pacton
Technologies Sdn Bhd



PLAYSCHOOL PILIHAN 2023

Shariffah Asadilina Habib
Ahmad, Pengasas & Ketua
Pegawai Eksekutif
Koolkidz Academy



PERKHIDMATAN KEWANGAN MAMPAAN 2023

Datuk Seri Mohd
Farmezudin Nazarudin,
Pengarah Urusan Loid Asia
Pacific Sdn Bhd



PEMACU KEUSAHAHANAN 2023

Datuk Harris Embong,
Pengarah Urusan Arisprop
Holding Sdn Bhd



PERKHIDMATAN, SUMBER & TEKNOLOGI 2023

Mohammad Othidul Islam,
Ketua Pegawai Eksekutif
Vorn Media IM Sdn Bhd



KONSULTAN STRATEGI & PEMASARAN 2023

Siti Jamal, Pengarah
Urusan Siliabud Sdn Bhd



PENGGERAK USAHAWAN KOPERASI 2023

Datuk Seri Dr Abdul Fatah
Abdullah, Presiden
Angkasa



AGENSI UMRAH & HAJI PILIHAN 2023

Ida Riswana Idris,
Pengasas & Penasihat
Undang-Undang Andalusia
Travel & Tours Sdn Bhd



KEUSAHAHANAN DINAMIK 2023

Aidil Azwan Zalmudin,
Presiden Kumpulan
Aafyaf Holdings Sdn Bhd



INOVASI PERNIAGAAN 2023

Eric Cheng, Pengasas
Bersama & Ketua Pegawai
Eksekutif Kumpulan
Carsome Sdn Bhd



USAHAWAN SELEBRITI 2023

Rozita Che Wan,
Ketua Pegawai Eksekutif
Byrcw



JENAMA TENUSU TERUNGKUL 2023

Azmi Zairal,
Ketua Pegawai Operasi
Farm Fresh Berhad



PRODUK HALAL GLOBAL 2023

Dr Sari Khairunnisa, Naib
Presiden (Pembangunan &
Penyelidikan), Wardah
Beauty Malaysia



USAHAWAN SELERBITI KESIHATAN 2023

Kevin Zahri,
Ketua Pegawai Eksekutif
Kz Sdn Bhd



RANGKAIAN EDUTAINMENT ISLAMIK 2023

Sinar Ismail, Pengasas &
Ketua Pegawai Eksekutif
Durioo Sdn Bhd



USAHAWAN MUDA 2023

Tya Arifin, Pengarah
Eksekutif A Klassen
Essentials Sdn Bhd



RESTORAN PILIHAN PENGGUNA 2023

Burhan Mohamed,
Pengarah Urusan Original
Penang Kayu Nasi Kander
Sdn Bhd



PEMANGKIN PENDIDIKAN MASA DEPAN 2023

Ahmad Dasuki Abdul
Majid, Ketua Eksekutif
PTPTN



RANGKAIAN RESTORAN EKSKLUSIF 2023

Atiqah Taffi,
Ketua Pemasaran Serial
Group Sdn Bhd



PERNIAGAAN SHOWBIZ 2023

Detuk Ahmad Azhar
Othman, Pengarah Awie
Entertainment Sdn Bhd



RAKAN STRATEGIK ANUGERAH BISA

Kayden Ding, Pengarah
Urusan Diverse Supply
Chain Sdn Bhd Untuk
Menerima Anugerah Khas
Peneraju Robotik 2023



SALAHUDDIN bersama Pengasas dan Pengurusi Eksekutif Kumpulan KK, Datuk Seri Dr KK Chai melihat antara barang yang termasuk Paket Rahmah pada majlis pelancaran Inisiatif Payung Rahmah dan Cabaran Beli & Menang RM1.1 juta di KK Super Mart Terminal Bersepadu Selatan.

BAZAR RAMADAN RAHMAH

KPDN runding PBT

Kuala Lumpur

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bakal mengadakan sesi libat urus bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pemain industri bagi merancang pengajaran Bazar Ramadan Rahmah.

Menterinya Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, beberapa lokasi strategik sudahpun dikenal pasti dan pihaknya bersama PBT bakal memperkenalkan kadar sewa Rahmah bagi setiap tapak di bazar berkenaan dengan perkembangan itu akan diumumkan dalam tempoh terdekat.

"Fokus kita adalah Bazar Ramadan dan perbincangan akan diadakan bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pemain industri yang berminat menyertainya," katanya pada majlis pelancaran Inisiatif Payung Rahmah dan Cabaran Beli & Menang RM1.1 juta di KK Super Mart Terminal Bersepadu Selatan, kelmarin.

Sementara itu, beliau berkata, pihaknya bersedia menjadi pemudahcara bagi mana-mana pemain industri yang belum atau sukar mendapatkan permit, ataupun lesen perniagaan.

"Kita terbuka kepada mana-mana peniaga untuk mengetengahkan perkara ini

kepada mana-mana wakil kementerian supaya kita dapat bantu mereka selesaikan masalah berkenaan," kata dia.

Merujuk kepada majlis pelancaran terbabit, Salahuddin berkata, Jualan Rahmah di KK Super Mart akan dikembangkan kepada inisiatif lain yang bersesuaian dari semasa ke semasa seperti Bakul Rahmah, Paket Rahmah dan Menu Rahmah, sebagai tanda sokongan pihak pengurusan KK Supermart & Superstore Sdn Bhd ke atas inisiatif menangani kos sara hidup yang sedang diterajui KPDN.

Menurutnya, KPDN turut melihat usaha dan promosi pihak pengurusan KK

Supermart & Superstore Sdn Bhd melaksanakan Cabaran Beli & Menang RM1.1 juta pada tempoh 1 Januari hingga 31 Mei 2023 ini sebagai satu galakan berbelanja kepada pelanggan se-dia ada dan pelanggan baharu di KK Super Mart.

Program ini membabitkan penyertaan tanpa had dalam kalangan warganegara Malaysia dan penduduk tetap di Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas, yang membuat perbelian minimum RM23 di mana-mana 680 premis KK Super Mart, yang memberikan mereka peluang memenangi pelbagai hadiah yang nilai keseluruhannya berjumlah RM1.1 juta.

Sidang Dewan Rakyat

Tak boleh halang peniaga beli minyak masak paket

KPDN laksana pendekatan timbang tara penuhi keperluan isi rumah, PKS

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengaku tidak boleh mengambil pendekatan bersifat terlalu keras membabitkan isu pembelian minyak masak paket bersubsidi dalam kalangan peniaga mikro dan perusahaan kecil sederhana (PKS) walaupun ia sepatutnya dinikmati golongan B40.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata kerajaan melaksanakan pendekatan timbang tara bagi menyelesaikan isu pembelian bekalan bahan mentah subsidi oleh peniaga yang kini masih dalam proses pemuliharan selepas terjejas akibat COVID-19.

"Sebanyak 60,000 tan yang diperuntukkan kepada KPDN yang mana secara logiknya ia mencukupi kerana kita ada 60 juta pek untuk dibekalkan kepada isi rumah B40.

"Namun kita terpaksa melakukan peranan timbang tara dan

KPDN juga dalam keadaan cukup berhati-hati yang mana keperluan isi rumah mesti dipenuhi tetapi permintaan dan desakan peniaga kecil juga mesti disantuni.

"Kalau kita halang peniaga kecil membeli minyak masak bersubsidi ini, kita khuatir mereka akan menaikkan harga makanan yang mana boleh menyebabkan B40 terjejas," katanya pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Cha Kee Chin (PH-Rasah) menyatakan apakah kerajaan bersedia menambah kuota bekalan minyak masak paket bersubsidi di pasar runcit tempatan.

Ketirisan bekalan kos terpencil
Pada masa sama, Salahuddin berkata, KPDN melihat cadangan penambahan kuota bekalan minyak masak paket bersubsidi di negara ini sebagai relevan.

Beliau berkata, namun KPDN tidak boleh bekerja secara silo dalam isu penambahan kuota bekalan minyak masak bersubsidi ini sebalik ia perlu dibincangkan melalui Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) yang membabitkan 11 kementerian.

"Apapun pandangan KPDN akan dibincangkan dan akhirnya ia diputuskan oleh Kabinet," katanya.

Salahuddin berkata, KPDN me-



Kerajaan pastikan bekalan minyak masak paket penuhi keperluan isi rumah.
(Foto hiasan)

nyifatkan isu ketirisan bekalan minyak masak bersubsidi tidak sampai ke tahap krisis, namun hanya berlaku secara terpencil di satu-satu tempat sebelum ia diselesaikan segera oleh pihak penguatuasaan.

Beliau berkata berkata, pihaknya tidak akan berkompromi dalam aspek ketirisan malah sepanjang dua bulan lalu, sebanyak 13 kes pendakwaan sudah dibuat akibat kesalahan itu daripada 2,898 kes yang disiasat.

Penambahan bekalan minyak masak paket bersubsidi relevan

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) melihat cadangan penambahan kuota bekalan minyak masak paket bersubsidi di negara ini sebagai relevan.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata KPDN tidak boleh bekerja secara silo dalam isu penambahan kuota bekalan minyak masak bersubsidi ini sebalik ia perlu dibincangkan melalui Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sarawak Hidup Negara (NACCOL) yang membabitkan 11 kementerian.

Mengulas lanjut beliau berkata, kementerian tidak boleh bersifat 'terlalu keras' dalam aspek pembelian minyak masak bersubsidi oleh peniaga mikro dan industri kecil sederhana (IKS) kerana mereka juga dalam fasa pemuliharaan ekonomi selepas terjejas

akibat Covid-19.

Sehubungan itu, katanya kerajaan melaksanakan pendekatan timbang tara bagi menyelesaikan isu pembelian bekalan minyak masak subsidi oleh peniaga.

"Sebanyak 60,000 tan metrik yang diperuntukkan kepada KPDN yang mana secara logiknya ia mencukupi kerana kita ada 60 juta pek untuk dibekalkan kepada isi rumah B40.

"Namun kita terpaksa melakukan peranan timbang tara dan KPDN juga dalam keadaan cukup berhati-hati di mana keperluan isi rumah mesti dipenuhi tetapi permintaan dan desakan peniaga kecil juga mesti disantuni.

"Kalau kita halang peniaga kecil membeli minyak masak bersubsidi ini, kita khawatir mereka akan menaikkan harga máka-

nan yang mana boleh menyebabkan B40 terjejas," katanya pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Cha Kee Chin (PH-Rasah) menyatakan apakah kerajaan bersedia menambah kuota bekalan minyak masak bersubsidi di pasaran runcit tempatan.

Pada masa sama, KPDN menyifatkan isu ketirisan bekalan minyak masak bersubsidi tidak sampai ke tahap krisis namun hanya berlaku secara terpencil di satu-satu tempat sebelum ia diselesaikan segera oleh pihak penguatkuasaan.

Salahuddin berkata, pihaknya tidak akan berkompromi dalam aspek ketirisan malah sepanjang dua bulan lalu, sebanyak 13 kes pendakwaan sudah dibuat akibat kesalahan itu daripada 2,898 kes yang disiasat..



SALAHUDDIN ketika menggulung perbahasan pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Minyak masak peket kurang bukan krisis

KUALA LUMPUR — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memaklumkan isu kekurangan minyak masak peket bersubsidi disifatkan sebagai kes terpencil dan bukan krisis.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, isu tersebut berlaku hanya di tempat-tempat tertentu, namun perkara itu telah ditangani segera oleh KPDN.

"Ta tidak lagi sampai ke tahap krisis, kerana sekiranya ada kes-kes di satu tempat pada masa-masa tertentu, maka KPDN dengan cepat mengarahkan pegawai memastikan kenapa ia berlaku.

"Ada dua sebab pertamanya kedai runcit, mereka terpaksa buat kawalan dalaman dan ia kita tidak boleh terus nak saman atau tangkap. Pagi mereka buka satu kotak, tengah hari dan petang satu kotak, kerana jika buka semua pagi, peniaga kecil akan membelynnya sampai habis.

"Keduanya, kebanyakannya peniaga luar bandar mereka tiada sistem e-kos sebab itu kementerian akan mudah cara dan pegawai terlibat sedang melakukan sesi libat urus dengan peniaga supaya isu tersebut tidak menjadi penghalang bekalan lambat sampai kepada penduduk di pedalaman," katanya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan Cha Kee Chin (**PH-Rasah**) berkenaan komitmen kerajaan untuk bertindak kepada peniaga yang menjual minyak masak peket kepada restoran besar dan hotel lima bintang.

Mengulas lanjut, Salahuddin berkata, kuota sebanyak 60,000 tan metrik minyak masak peket setiap bulan yang dibekalkan untuk kira-kira 8.6 juta isi rumah kategori B40 ketika ini mencukupi.

Namun, kata beliau, tidak dinafikan kekurangan bekalan berlaku apabila peniaga kecil turut membeli minyak masak peket.

"Tsunya kita tidak boleh terlalu keras atau menguat kuasa isu ini kerana yang membeli minyak masak peket bersubsidi termasuklah peniaga mikro, golongan industri kecil dan sederhana (IKS) yang berniaga di warung, restoran kecil baru nak mula selepas pandemik Covid-19," tambah beliau.

Isu bekalan minyak masak peket belum sampai tahap krisis



Kerajaan menegaskan kurangan bekalan minyak masak peket bersubsidi di Malaysia belum sampai tahap krisis.

KUALA LUMPUR — Kerajaan menegaskan kekurangan bekalan minyak masak peket bersubsidi di negara ini belum sampai pada tahap krisis kerana hanya melibatkan kawasan-kawasan tertentu yang boleh diatasi segera.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, diaku berlaku kawalan dalaman di kedai-kedai runcit bagi memastikan lebih ramai pengguna dapat membeli bekalan bersubsidi itu.

Menurutnya, kerajaan akan terus memantau isu bekalan minyak masak peket bersubsidi untuk memastikan tidak berlaku krisis.

"Setakat ini tidak lagi sampai

pada tahap krisis kerana sekiranya ada kes (tiada bekalan) di satu-satu tempat pada masa-masa tertentu, KPDN akan segera arahkan pegawai untuk ambil tindakan sewajarnya.

"Di kedai runcit, mereka terpaksa buat kawalan dalaman. Kita tak boleh terus nak saman, nak tangkap kerana mereka akan buka satu kotak pagi, satu kotak tengah hari, satu kotak petang dan satu kotak malam.

"Mereka berhujah jika dibuka empat kotak serentak, maka akan cepat habis dibeli," katanya ketika menjawab soalan tambahan **Cha Kee Chin (PH-Rasah)** yang mahu tahu tindakan ke atas peniaga yang menjual minyak masak peket bersubsidi kepada peniaga restoran

dan status bekalan tersebut di pasaran.

Menurut Salahuddin, isu kekurangan bekalan minyak masak peket bersubsidi antara lain disebabkan kebanyakannya peniaga luar bandar tidak mempunyai Sistem Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (ECOSS).

"Jadi, kerajaan akan mudah cara dengan pegawai akan adakan libat urus dengan peniaga supaya jangan disebabkan isu ECOSS, mereka lambat mendapatkan bekalan. Kita juga akan pantau dari masa ke masa," ujar beliau.

Katanya, sehingga kini hampir 2,898 kes telah disiasat dan 13 kes telah dibuat pendakwaan, sekali gus membuktikan KPDN tidak laai menjalankan penguatkuasaan.

'Enough cooking oil packets in market'

THERE is no shortage of subsidised cooking oil packets in the market, the Dewan Rakyat was told. Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub, however, did not deny that there were some areas facing a shortage of the polybag cooking oil supply. "The quota of 60,000 metric tons of cooking oil supplied every month is enough for 8.6 million B40 category households. Should there be a shortage of the subsidised cooking oil, officers will be instructed to go to the ground to check."



MEDIA ONLINE (KPDN)

24 FEBRUARI 2023 (JUMAAT)

BERITA ONLINE BERTARIKH 24 FEBRUARI 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
24-Feb	Salahuddin Ayub: No shortage of subsidised cooking oil in the market	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/02/23/salahuddin-ayub-no-shortage-of-subsidised-cooking-oil-in-the-market	THESTAR
24-Feb	Permintaan meningkat, KPDN teliti tambah kuota minyak masak paket	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/57931-permintaan-meningkat-kpdn-teliti-tambah-kuota-minyak-masak-paket	BERITARTM
24-Feb	'KPDN tidak boleh terlalu keras isu minyak masak subsidi dibeli peniaga'	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1068088/kpdn-tidak-boleh-terlalu-keras-isu-minyak-masak-subsidi-dibeli	BH
24-Feb	Tiada krisis bekalan minyak masak paket, kuota cukup untuk B40 – Salahuddin	https://malaysiagazette.com/2023/02/23/tiada-krisis-bekalan-minyak-masak-paket-kuota-cukup-untuk-b40-salahuddin/	MALAYSIAGAZETTE
24-Feb	Bekalan Minyak Masak Tiada krisis, hanya kurang di beberapa tempat - Salahuddin	https://www.astroawani.com/video-malaysia/bekalan-minyak-masak-tiada-krisis-hanya-kurang-di-beberapa-tempat-salahuddin-2010863	ASTROAWANI
24-Feb	Kerajaan pertimbang tambah bekalan minyak masak paket di pasaran runcit	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/02/23/kerajaan-pertimbang-tambah-bekalan-minyak-masak-paket-di-pasaran-runcit/	FMT
24-Feb	Industri keberkatan penetapan harga minyak masak dua peringkat	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2167019	BERNAMA
24-Feb	Dewan Rakyat: Kekurangan minyak masak kes terpencil, bukan krisis	https://www.kosmo.com.my/2023/02/23/dewan-rakyat-kekurangan-minyak-masak-kes-terpencil-bukan-krisis/	KOSMO
24-Feb	No shortage of subsidised cooking oil	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/02/882763/no-shortage-subsidised-cooking-oil	NST

24-Feb	No Shortage Of Subsidised Cooking Oil In The Market	https://www.businessstoday.com.my/2023/02/23/no-shortage-of-subsidised-cooking-oil-in-the-market/	BUSINESSTODAY
24-Feb	Cadangan tambah kuota minyak masak bersubsidi relevan	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/938983/cadangan-tambah-kuota-minyak-masak-bersubsidi-relevan	HM
24-Feb	Cooking oil supply shortage issue yet to reach crisis stage	https://www.google.com/amp/s/www.sinardaily.my/ampArticle/190751	SINARDAILY
24-Feb	Debaran kemuncak BISA malam ini	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/246551	SH
24-Feb	Menu Rahmah diperluas ke Parlimen	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/246601	SH
24-Feb	12 Places Offering Affordable Menu Rahmah Meals From As Low As RM4.50	https://www.google.com/amp/s/says.com/my/amp/makan/places-serving-menu-rahmah-meals-from-as-low-as-rm4-50	SAYS.COM
24-Feb	KPDN akan jamu ahli parliment dengan Menu Rahmah	https://youtu.be/3MKmYCaN9Ng	KINITV
24-Feb	Pemenang perlu jadi contoh kepada usahawan lain	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/246707	SH
24-Feb	Kerajaan mahu usahawan, pemain industri bantu usahawan kecil	https://www.sinarharian.com.my/article/246710/bisnes/kerajaan-mahu-usahawan-pemain-industri-bantu-usahawan-kecil	SH
24-Feb	45 restoran di seluruh Sarawak perkenal Menu Rahmah	https://www.utusanborneo.com.my/2023/02/23/45-restoran-di-seluruh-sarawak-perkenal-menu-rahmah	UMBORNEO
24-Feb	Melaka mampu capai 'cashless society' menerusi ReDI	https://www.melakahariini.my/melaka-mampu-capai-cashless-society-menerusi-redi/	MELAKAHARINI

24-Feb	10 peratus daripada 40,000 peniaga di Melaka disasarkan sertai program ReDI https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2167176	BERNAMA
24-Feb	Tidak Boleh Berkeras Isu Pembelian Minyak Subsidi - KPDN https://youtu.be/x2cvxvjo9Ng	BULETINTV9
24-Feb	Pelitup muka perlu ada MS SIRIM bermula 1 Julai https://wartaoriental.com/2023/02/24/pelitup-muka-perlu-ada-ms-sirim-bermula-1-julai/	WARTAORIENTAL
24-Feb	Kartel: MyCC berjaya selesai siasatan terbesar pada 2022 https://harakahdaily.net/index.php/2023/02/23/204855/	HARAKAHDAILY
24-Feb	KPDN branch chief: No shortage of cooking oil in Mukah https://www.theborneopost.com/2023/02/23/kpdn-branch-chief-no-shortage-of-cooking-oil-in-mukah/	THEBORNEOPOST